

Malaysia Tiada Niat Campur Tangan Dalam Hal Ehwal Filipina
Bernama
29 Ogos, 2012

MINDANAO, 29 Ogos (Bernama) -- Malaysia meletakkan sepenuhnya komitmen dalam melaksanakan misi keamanan di Filipina tanpa berniat untuk campur tangan dalam politik dalaman negara itu, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata usaha Malaysia itu menerusi Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) adalah sejajar dengan amanah yang diberikan oleh kerajaan Filipina bagi memastikan gencatan senjata dipatuhi oleh tentera Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Menurutnya usaha itu juga diharapkan tidak hanya terbatas dari perspektif menjaga keselamatan semata-mata, tetapi turut membangunkan sosio ekonomi negara berkenaan.

"Konflik yang berlaku antara kerajaan Filipina dan MILF telah mengakibatkan masyarakat tempatan sengsara dan terlepas peluang pembangunan terutamanya di selatan Filipina.

"Oleh itu penglibatan Malaysia melalui pasukan IMT berhasrat untuk mengekalkan keamanan, menjaga kestabilan politik negara dan seterusnya menarik pelabur asing u dalam sektor ekonomi Filipina," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Mindanao di sini Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=690754>